

**Parlimen: Kerajaan Lindung Kawasan Sekitar Tapak Warisan Lembah Bujang  
Bernama  
13 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan membeli tanah di sekitar kawasan berhampiran tapak warisan di Lembah Bujang di Kedah bagi mengelak berlakunya pembangunan perumahan dan pertanian, persidangan Dewan Negara diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'cruz berkata langkah itu adalah untuk menjaga kawasan sekeliling supaya tidak bercampur dengan kawasan yang menjadi ruang kerja ahli-ahli arkelogi di situ.

"Kita selalu menjaga kawasan sekeliling di mana kita akan membeli kawasan-kawasan sebelah supaya tidak bercampur dengan ahli arkeologi untuk buat kerja," katanya ketika menjawab soalan Senator Dr Syed Husin Ali yang ingin tahu jaminan kerajaan bahawa tidak akan berlaku pembangunan perumahan atau pertanian di kawasan tapak warisan Lembah Bujang.

D'cruz berkata Jabatan Warisan Negara telah membina bumbung perlindungan di monumen yang ditemui melalui eskavasi untuk memulihkannya dan menanggung kos penyelidikan yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) di tapak-tapak utama iaitu Sungai Batu dan Jeniang.

"Kementerian merancang membina sebuah galeri di kawasan ini agar rakyat mengetahui mengenai sejarah negara yang mana Lembah Bujang merupakan tamadun yang tertua di Asia Tenggara," katanya.

D'cruz berkata beberapa langkah telah dijalankan dari semasa ke semasa untuk mempromosikan Lembah Bujang termasuk menganjurkan program lawatan untuk pelajar sekolah, membawa pakar-pakar dari dalam dan luar negara, menganjurkan program seminar antarabangsa dan mengadakan pameran selain menerbitkan artikel melalui akhbar, memasukkan dokumentari melalui televisyen dalam beberapa sesi termasuk melalui History Channel dan menerbitkan brosur.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633827>